

# 100 peratus modal asing

- Tiada penyusunan ekuiti hingga 1990
- Lebih ramai pegawai dagang dibenarkan
- Mesti ambil 350 pekerja tempatan

NEW YORK, Selasa — Syarikat-syarikat asing yang melabur di sektor pembuatan di Malaysia mulai esok akan dibenarkan memiliki ekuiti hingga 100 peratus dan tidak disyaratkan menyusun semula hakmilik sehingga 1990.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata peraturan-peraturan baru itu ditawarkan kepada pelaburan-pelaburan yang dibuat dalam tempoh mulai esok hingga Disember 1990.

Selain itu, kerajaan juga menawarkan beberapa kelonggaran lain dengan tujuan menarik lebih ramai pelabur asing menanam modal di sektor pembuatan yang menggunakan banyak tenaga buruh dan tidak bersaing dengan pengilang tempatan.

Berucap kepada kira-kira 200 usahawan, ahli perniagaan, pengusaha bank dan jururunding Amerika di majlis makan tengah hari di Hotel Waldorf Astoria di sini, hari ini, Perdana Menteri berkata syarat-syarat baru itu juga meliputi kelonggaran berkaitan kemasukan kakitangan dagang.

Sebelum itu satu seminar mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia anjuran Mida diadakan.

Syarat-syarat baru ini ditawarkan kepada pelaburan asing baru dalam industri-industri yang keluarannya tidak bersaing di pasaran dalam negeri atau industri-industri milik asing atau sebahagiannya milik

asing yang tidak bersaing dengan industri tempatan.

Sebelum ini, hanya industri-industri yang berdasarkan 100 peratus eksport dan berpangkalan di zon-zon perdagangan bebas boleh dimiliki sepenuhnya oleh pelabur-pelabur asing.

*Bernama* melaporkan, antara syarat yang membolehkan pelabur asing memegang ekuiti 100 peratus dalam projek-projek pembuatan ialah:

- Syarikat itu mengeksport 50 peratus atau lebih keluarannya;
- Menjual 50 peratus atau lebih pengeluarannya kepada syarikat-syarikat di kawasan perdagangan bebas atau gudang pembuatan berlesen;
- Mempunyai 350 atau lebih pekerja Malaysia sepenuh masa; dan
- Mengambil pekerja tempatan di semua peringkat berasaskan nisbah kaum di negara ini.

Perdana Menteri juga berkata, jika ekuiti asing kurang daripada 100 peratus, baki ekuiti yang dikuasai oleh rakyat Malaysia hendaklah selaras dengan peraturan Dasar Ekonomi Baru (DEB), meskipun ia akan dilaksanakan dengan cara yang tidak terlalu ketat.

Mengikuti peraturan baru itu, sebarang syarikat dengan modal berbayar AS\$2 juta (kira-kira M\$5.2 juta) secara automatik dibenarkan mempunyai lima pegawai asing. Pertukaran kakitangan tidak memerlukan permit baru.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, visa bagi kakitangan asing akan diberi secara automatik bagi tempoh 10 tahun pertama pelaburan, sementara jawatan tambahan bagi kakitangan asing akan dibenarkan atas permintaan.

Kabinet meluluskan kelonggaran

# 'Pendirian Malaysia galakkan pelaburan'

## DARI MUKA SATU

syarat pelaburan asing minggu lalu. Sebelum ini, syarikat asing hanya dibenarkan memegang 49 peratus ekuiti mengikut syarat tertentu walaupun menurut DEB, penyertaan syarikat asing ditetapkan 30 peratus, Bumi-putera 30 peratus, sementara bukan Bumi-putera 40 peratus.

Perdana Menteri memberitahu pelabur dan peniaga Amerika bahawa kerajaannya akan terus berusaha menarik pelaburan dan menggalakkan penyertaan asing dalam ekonomi Malaysia.

"Pendirian kami ialah mengamalkan dasar menggalakkan pelaburan. Dasar kami berkembang hasil peredaran masa ekoran keadaan ekonomi yang dinamik dan tidak melalui ideologi dogmatik," kata Perdana Menteri.

## Keutamaan

Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu bahawa sudah tiba masanya bagi Amerika menjalin kerjasama ekonomi dan hubungan perdagangan yang lebih rapat dengan Malaysia.

Katanya, penyertaan Amerika dalam sektor pembuatan di Malaysia pada paras minimum dengan hanya AS\$128 juta (M\$332.8 juta) dalam bentuk modal berbayar dan AS\$353 juta (M\$930.8 juta) harta tetap.

Walaupun angka itu meletakkan Amerika antara lima negara paling banyak melabur di Malaysia, tetapi jumlah itu hanyalah setitik air dalam lautan pelaburan Amerika di seberang laut.

Perdana Menteri menegaskan bahawa dalam dekad akan datang, tumpuan Malaysia ialah kepada industri berasaskan eksport, memusatkan pertumbuhan industri-industri yang diberi keutamaan, pembangunan tenaga manusia dan memiliki kemahiran teknologi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah terlalu lama bergantung kepada pengeluaran dan eksport barangan utama seperti petroleum, getah, kayu balak, minyak kelapa sawit dan timah bagi pertumbuhan ekonominya yang mencatatkan kadar enam hingga lapan peratus setahun.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sektor pembuatan hendaklah mempertingkatkanumbangannya kepada ekonomi negara bagi mempertingkatkan kadar pertumbuhan. Setakat ini, sektor berkenaan hanya menyumbang 20 peratus kepada ekonomi negara.

Eksport barangan keluaran kilang meningkat daripada A\$2,400 juta (M\$6,240 juta) pada 1980 kepada AS\$4,700 juta (M\$12,220 juta) pada 1985 dan Malaysia kini menjadi pengeksport utama semi-konduktor, pendingin udara dan barang daripada getah.

Dalam dekad akan datang, Malaysia bercadang meningkatkan pengeluaran industri yang menggunakan sumber asli seperti getah, kayu balak, minyak kelapa sawit, timah dan silikon.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa untuk mencapai matlamat ini, Malaysia memerlukan pelaburan dari negara perindustrian, baik Timur mahupun Barat.

Turut menghadiri majlis itu ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah dan Menteri Luar, Datuk Rais Yatim. Majlis itu kemudian disusuli dengan sesi soal-jawab.